



Sejarah Johor

Kaitannya dengan Negeri Melayu



Shaharom Husain



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

1985

91212

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995
Pertama kali diterbitkan 1995
Cetakan kedua 1995
ISBN 967 65 3169 3

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perikaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Vivar Printing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

M 814345

16 MAR 1996
Perpustakaan Negara
Malaysia

M
ASG.5119
SFA



Pendahuluan

KERAJAAN Johor pada masa dahulu, setelah Kerajaan Melayu Melaka dihapuskan oleh Portugis dalam tahun 1511, dikatakan sebuah kerajaan besar di Tanah Melayu. Kebanyakan jajahan takluk Kerajaan Melayu Melaka dahulu telah beralih tangan dan diperintah oleh Kerajaan Johor kerana raja yang memerintah Johor masa itu berasal daripada keturunan raja-raja dari Melaka.

Pemerintahan Johor masa itu meliputi hampir setengah daripada Tanah Melayu ini. Utaranya hingga ke Pahang, Terengganu dan Kelantan. Selatannya hingga ke gugusan pulau-pulau Riau serta Siak dan Kampar. Timurnya hingga ke Laut China, pulau-pulau Tujuh dan di sebelah baratnya hingga ke Melaka dan Selangor.

Pusat pemerintahan Johor masa itu ialah di Johor Lama, di tepi Sungai Johor, Kota Tinggi. Ia diperintah oleh raja-raja yang berasal keturunan daripada Raja-raja Melayu Melaka. Bagaimanapun, kebesaran Kerajaan Johor itu tiada berkekalan disebabkan oleh keadaan huru-hara dan kacau-bilau yang dibangkitkan oleh raja-raja dan orang Melayu sesama sendiri. Kerajaan Johor diserang oleh orang Acheh, Raja Kecil dari Siak dan orang Portugis. Sesetengah jajahan takluk Johor seperti Pahang telah memerintah sendiri.

Sekarang, yang dikatakan negeri yang diperintah oleh Kerajaan Johor itu hanya tinggal seluas lebih kurang 7500 batu persegi, dari Sungai Endau sebelah utara bersempadankan negeri Pahang, ke selatan di tengah-tengah Selat Teberau, ke timur Laut China, tujuh batu ke laut dan ke barat di Selat Melaka serta Sungai Kesang menjadi sempadan dengan Melaka dan Negeri Sembilan. Pemerintahan Johor sekarang bukan lagi dipegang oleh raja-raja keturunan daripada Tun Habab (Habib) Dato' Bendahara Seri Maharaja Pahang Saujana Johor. Ia berada di bawah pemerintahan raja-raja keturunan Bugis, hinggalah ke hari ini. Pusat pemerintahan berpindah dari Teluk Belanga, Singapura ke Johor Bahru.

Demikianlah, berdasarkan sejarah ini, saya tulis buku *Sejarah Johor— Kaitannya Dengan Negeri Melayu* yang sebahagiannya adalah salinan daripada buku *Tawarikh Johor* dalam tulisan Jawi yang

telah saya karang dan diterbitkan oleh Jabatan Persuratan Guru-guru Melayu Johor pada Januari 1950. Selain daripada namanya diubah, isinya juga ditambah, diperluas dan dibaiki. Isinya mengandungi sejarah Kerajaan-kerajaan Johor Tua, Kerajaan Besar Johor Lama, Kerajaan Johor, Singapura, Riau dan Lingga dan Kerajaan Johor Bahru dari zaman pemerintahan almarhum Temenggung Daeng Ibrahim dan Sultan Abu Bakar hingga ke zaman 60 tahun pemerintahan Sultan Ibrahim dan pemerintahan Sultan Ismail.

Beberapa buah buku, risalah dan majalah, di antaranya seperti yang disenaraikan di muka penghabisan buku ini, telah dibaca bagi membanding, memadan dan menyesuaikan kandungannya. Demikian juga saya sentiasa mengikut dan mengambil ingatan segala siaran akhbar yang berhubung dengan perubahan dan pergolakan siasah tanah air kita ini.

Buku ini dikarang dan disusun memandangkan betapa megahnya nama Johor, iaitu sebuah Kerajaan Melayu yang masyhur, besar kuasa dan pengaruhnya di zaman gemilang. Kerajaan ini telah memberikan kebaktiannya terhadap kemajuan bangsa dan agama serta perkembangan bahasa, kebudayaan dan kesenian kita. Kerajaan ini menggantikan Kerajaan-kerajaan Sriwijaya, Majapahit dan Melaka yang telah runtuh dan hapus itu.

Penuntut-penuntut khasnya dan orang ramai amnya yang hendak memperdalam pengetahuannya tentang sejarah tanah air dan hendak mengetahui selok-belok percaturan siasah dan bangun jatuhnya bangsa, kerajaan dan negara mustahaklah membaca dan mempelajari isi buku ini.

Kesempurnaan isinya tentu sukar ditemui dan dipercayai banyak lagi bahan yang masih terpendam yang belum dapat diisi dalam buku ini. Oleh kerana itu sumbangan yang berupa teguran membina ke arah penyempurnaan buku ini, akan diterima dengan segala senang hati dan diucapkan ribuan terima kasih. Sangat besar gunanya teguran yang saudara-saudari berikan. Semoga teguran itu akan menjadi pendorong dalam usaha memperbaiki lagi isinya.

"Gapura Sastera"
Johor Bahru.
November 1994

SHAHAROM HUSAIN

Isi

<i>Pendahuluan</i>	v
<i>Plat Gambar</i>	ix
1 KERAJAAN-KERAJAAN TERTUA DI JOHOR	1
2 NEGERI JOHOR SEMENJAK KERAJAAN MELAKA	4
• Muar dan Batu Pahat Mula Terkenal	
• Darihal Johor Tertakluk kepada Melaka	
3 JOHOR DALAM PEMERINTAHAN RAJA-RAJA MELAYU	7
• Asal Keturunan Raja-raja	
• Anak Cucu Raja-raja Melayu Melaka di Johor	
• Johor di bawah Aceh dan Belanda ke Johor	
• Johor Membantu Aceh dan Belanda Mengalahkan Portugis di Melaka	
• Salasilah Anak Cucu Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana (Tun Habib)	
4 JOHOR DALAM PEMERINTAHAN RAJA KETURUNAN BENDAHARA TUN HABIB	27
• Raja Kecil	
• Raja Kecil Menyerang Johor dan Anak-anak Raja Bugis	
• Pemerintahan Sultan Mahmud Shah III	
5 JOHOR DI BAWAH DUA PEMERINTAHAN	55
• Sultan Husain Shah dan Orang Inggeris di Singapura	
6 JOHOR DI BAWAH RAJA-RAJA KETURUNAN TEMENGGUNG (BUGIS)	74
• Sultan Ali dan Temenggung Daeng Ibrahim	